

3767/1
EKONOMI
KERTAS 1
NOVEMBER
1 1/4 JAM

NO KAD PENGENALAN

| | | | | | | | | | | | | | |
|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|---|----------------------|----------------------|----------------------|---|----------------------|----------------------|----------------------|
| <input type="text"/> | - | <input type="text"/> | <input type="text"/> | <input type="text"/> | - | <input type="text"/> | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|---|----------------------|----------------------|----------------------|---|----------------------|----------------------|----------------------|

Nama Pelajar :.....

Tingkatan :.....



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)**

**PERCUBAAN SPM
2022**

EKONOMI
KERTAS 1

MASA : SATU JAM LIMA BELAS MINIT

ARAHAN:

1. Kertas ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A,B,C dan D. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang di sediakan.
4. Sekiranya anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan jawapan yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

- 1 Pernyataan yang manakah betul berkaitan konsep kekurangan?
- A Kerajaan berhasrat menyediakan semua kemudahan awam dengan kutipan hasil cukai yang diperoleh untuk rakyat.
 - B Puan Noreha dapat membeli semua barang yang disukainya dengan pendapatan yang tinggi hasil daripada keuntungan perniagaannya.
 - C Syarikat Saudagar Bhd mampu mengeluarkan semua barang yang diminta pengguna kerana mempunyai sumber ekonomi yang banyak.
 - D Encik Faiz hanya mampu membeli sepasang kasut sukan sahaja untuk anaknya setelah menerima wang Bantuan Sara Hidup (BSH) sebanyak RM300.

- 2 Maklumat di bawah berkaitan dengan Encik Azuan.

Encik Azuan mengusahakan sebuah kilang keropok. Beliau mempunyai seramai 40 orang pekerja dan berjaya menjadi pembekal utama kepada pasar raya besar di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Apakah faktor pengeluaran yang terlibat dalam perniagaan Encik Azuan?

- I Pekerja
 - II Keropok
 - III Pasar raya besar
 - IV Bangunan kilang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 3 Jadual 1 menunjukkan kemungkinan pengeluaran kilang Hadi.


| Kombinasi Pengeluaran | Kicap (botol) | Budu (botol) |
|-----------------------|---------------|--------------|
| A | 0 | 1000 |
| B | 200 | 850 |
| C | 600 | 550 |
| D | 750 | 0 |

Jadual 1

Jika kombinasi pengeluaran berubah daripada B kepada C, berapakah kos lepas untuk mengeluarkan 600 helai kicap?

- A 300 botol budu
- B 400 botol budu
- C 450 botol budu
- D 550 botol budu

- 4 Rajah 1 menunjukkan satu keluk kemungkinan pengeluaran untuk seluar dan kemeja.



Rajah 1

Titik pengeluaran yang manakah dapat dicapai jika berlaku perubahan teknologi dan faktor pengeluaran?

- A R
- B S
- C T
- D U


- 5 Bagaimanakah Amerika Syarikat menyelesaikan masalah asas ekonomi?
- Jenis barang ditentukan oleh kuasa pasaran
 - Agihan barang ditetapkan oleh badan perancangan pusat
 - Kaedah pengeluaran dipilih berdasarkan kos pengeluaran yang paling maksimum
 - Kuantiti barang yang hendak dikeluarkan ditentukan oleh kuasa pengguna dan pengeluar
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan satu penentu permintaan.


Kerajaan telah meluluskan Bantuan Khas Tahun 2020 sebanyak RM500 kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi menghargai khidmat bakti penjawat awam.

Rajah yang manakah menunjukkan kesan peristiwa di atas terhadap permintaan barang?


A Harga (RM)




B Harga (RM)




C Harga (RM)



D Harga (RM)



7 Rajah 2 menunjukkan keluk penawaran.



Rajah 2


Antara berikut, yang manakah merujuk kepada keluk penawaran di atas?

- I Dipengaruhi oleh faktor harga
- II Mempunyai hubungan songsang
- III Keluk mencerun ke bawah dari kiri ke kanan
- IV Kuantiti meningkat disebabkan oleh peningkatan harga

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



- 8 Rajah 3 menunjukkan keluk penawaran firma dan pasaran.




Rajah 3

Berapakah jumlah penawaran pasaran berdasarkan rajah diatas?

- A 60
- B 90
- C 110
- D 130

- 9 Rajah 4 menunjukkan keluk penawaran kelapa sawit.



Rajah 4

Faktor manakah yang menyebabkan keluk penawaran beralih dari S_0S_0 ke S_1S_1 ?

- A Musim tengkujuh
- B Harga kelapa sawit menurun
- C Kerajaan menghapuskan subsidi baja
- D Harga kelapa sawit dijangka turun pada masa hadapan
- 10 Jadual 2 menunjukkan kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran suatu barang.

| Harga (RM) | Permintaan (unit) | Penawaran (unit) |
|---------------|----------------------|---------------------|
| 8 | 60 | 25 |
| 10 | 50 | 35 |
| 12 | 40 | 40 |
| 14 | 30 | 55 |
| 16 | 20 | 70 |

Jadual 2

- Apakah yang berlaku pada tingkat harga RM10?
- A Berlaku lebihan penawaran
- B Berlaku lebihan permintaan
- C Harga cenderung untuk turun
- D Firma akan menambahkan penawaran
- 11 Antara berikut yang manakah mungkin menyebabkan pergerakan di atas keluk permintaan kereta?
- A Penurunan harga kereta
- B Penurunan harga minyak petrol
- C Kenaikan tambang pengangkutan awam
- D Kenaikan premium insurans untuk motosikal

- 12 Keanjalan harga permintaan barang X ialah 1.5 , Jika harga meningkat 16%, kuantiti kuantiti diminta akan berkurang daripada 100 unit kepada
- A 16 unit
 - B 32 unit
 - C 76 unit
 - D 84 unit
- 13 Antara berikut yang manakah mengurangkan permintaan ikan?
- A Perubahan dalam teknologi
 - B Harga daging ayam menurun
 - C Pendapatan individu meningkat
 - D Kerajaan memberi subsidi kepada penternak ikan
- 14 Keanjalan penawaran bagi mentega ialah 3. Kenaikan harga barang tersebut bertambah daripada RM10 kepada RM12 mengubah jumlah penawaran mentega daripada 1000 unit kepada
- A 1006 unit
 - B 1060 unit
 - C 1066 unit
 - D 1600 unit
- 15 Apakah fungsi bank pusat?
- A menguruskan pinjaman overdraf
 - B menerima deposit daripada orang ramai
 - C membuat dan menerima bayaran daripada firma
 - D mengawal kestabilan nilai mata wang
- 16 Puan Asmah telah membeli kereta MyVi dengan bayaran ansuran sebanyak RM520 sebulan. Apakah perkhidmatan bank perdagangan yang boleh digunakan oleh Pn Asmah untuk membuat bayaran kereta tersebut?
- A Draf bank
 - B Pindahan kredit
 - C Perintah sedia ada
 - D Kad kredit

- 17 Encik Ali seorang peniaga pasar malam dan beliau juga menerima kiriman wang dari anaknya RM500 setiap bulan.
- Apakah jenis pendapatan Encik Ali?
- A Upah dan sewa
B Upah dan bayaran pindahan
C Untung dan Bayaran pindahan
D Untung dan upah
- 18 Maklumat berkaitan pendapatan boleh guna.
- $$\text{Pendapatan boleh guna} = \text{Perbelanjaan Penggunaan} + Z$$
- Antara berikut yang manakah Z?
- A Melabur
B Menabung
C Membeli barang tahan lama
D Membayar tiket penerbangan
- 19 Faktor yang manakah paling mempengaruhi peningkatan dalam perbelanjaan Puan Habibah?
- A Iklan yang menarik
B Harga barang menurun
C Banyak barang pengganti
D Pendapatan individu meningkat
- 20 Antara yang berikut, yang manakah merupakan kepentingan belanjawan peribadi?
- A Memperolehi keuntungan
B Untuk membuat pelaburan
C Membeli berdasarkan pendapatan
D Untuk mengutamakan barang keperluan

Jawapan boleh dituliskan pada bahagian ruang jawapan di bawah.

- 21 Jadual 3 berkaitan dengan fungsi pengeluaran oleh sebuah firma.

| Buruh (orang) | Jumlah keluaran (unit) |
|---------------|------------------------|
| 10 | 8 000 |
| 13 | 8 400 |

Jadual 3

Berapakah keluaran marginal jika firma menambahkan buruh dari 10 orang ke 13 orang?

- A RM133.33
- B RM186.04
- C RM195.34
- D RM200.00

- 22 Jadual 4 menunjukkan kos pengeluaran sebuah firma.

| Jumlah Keluaran (unit) | Kos Berubah (RM) |
|------------------------|------------------|
| 60 | 210 |
| 70 | 260 |
| 80 | 300 |

Jadual 4

Jika kos tetap ialah RM300, berapakah kos purata pada keluaran ke-70 unit?

- A RM3.71
- B RM4.29
- C RM6.00
- D RM8.00

- 23 Maklumat berikut berkaitan rumus untung.

$$\text{Untung} = (\text{M} \times \text{kuantiti}) - \text{N}$$

Apakah M dan N ?

| M | N |
|----------------|-------------|
| A Jumlah hasil | Jumlah kos |
| B Harga | Jumlah kos |
| C Harga | Kos berubah |
| D Jumlah hasil | Kos berubah |

- 24 Kilang K-Wako yang baru telah beroperasi di Pengkalan Chepa dengan kos pembinaannya bernilai RM910 juta.

Apakah faedah sosial yang terlibat?

- A Berlaku kesesakan lalu lintas
 - B Peluang pekerjaan meningkat
 - C Perbelanjaan operasi syarikat meningkat
 - D Kenaikan dalam perbelanjaan sara hidup
- 25 Bagaimanakah kerajaan mengawal selia aktiviti pengeluar dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan?
- I Pemberian subsidi dan pengenaan cukai
 - II Perlaksanaan undang-undang dan peraturan
 - III Menetapkan harga yang tinggi ke atas barang keperluan
 - IV Menggalakkan pengeluaran barang dalam kuantiti yang banyak
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 26 Maklumat di bawah menunjukkan keadaan sesebuah ekonomi.

Harga karipap di pasaran meningkat kesan kenaikan harga gandum sebanyak 10%.

Antara berikut, jenis inflasi manakah yang berkaitan?

- A Inflasi diimport
- B Inflasi bermusim
- C Inflasi tolakan kos
- D Inflasi tarikan permintaan
- 27 Pernyataan yang manakah betul tentang dasar fiskal mengembang?
- A Bertujuan menurunkan kuasa beli pengguna
- B Boleh dilakukan dengan menaikkan kadar cukai
- C Bertujuan untuk meningkatkan permintaan agregat
- D Boleh digunakan untuk mengatasi masalah inflasi dalam Negara
- 28 Pernyataan yang manakah merupakan perbelanjaan sektor perkhidmatan sosial kerajaan?
- A Membina jalan raya
- B Membina bangunan sekolah
- C Membina pusat pentadbiran kerajaan
- D Membina kuarters kediaman angkatan tentera
- 29 Gambar 1 berkaitan dengan satu situasi ekonomi.



Gambar 1

Bagaimanakah bank pusat mengatasi situasi tersebut?

- A Melonggarkan syarat sewa beli
- B Membeli surat jaminan kerajaan
- C Menurunkan kadar rizab berkanun
- D Menaikkan kadar faedah pinjaman

- 30 Apakah faktor yang menggalakkan globalisasi?
- A Penambahan syarat permohonan visa
 - B Infrastruktur pengangkutan yang kurang cekap
 - C Peningkatan sekatan perdagangan antarabangsa
 - D Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi
- 31 Pernyataan yang manakah betul berkaitan kepentingan perdagangan antarabangsa kepada sesebuah negara?
- A Menggalakkan mobiliti tenaga buruh negara
 - B Melindungi industri muda tempatan negara
 - C Memperbaikiimbangan pembayaran negara
 - D Mewujudkan persaingan adil antara industri dalam negara
- 32 Dasar liberalisasi perdagangan antarabangsa hanya menguntungkan satu negara sahaja kerana
- A industri luar mendominasi pasaran tempatan
 - B daya saing industri akan lebih dipertingkatkan
 - C mengalakan permindahan teknologi antara negara
 - D kos pengeluaran industri yang terlibat akan berkurangan
- 33 Imbalan akaun semasa cenderung menjadi defisit disebabkan oleh peningkatan
- A permintaan barang import
 - B permintaan barang eksport
 - C inovasi produk tempatan
 - D produktiviti dalam negara
- 34 Maklumat berikut berkaitan kadar pertukaran asing antara Dollar Singapura dengan Ringgit Malaysia

$$\text{SGD}1 = \text{RM}3.20$$

Berapakah jumlah Dollar Singapura yang diperlukan oleh Puan Nurul Faezah untuk membeli 10 pasang kasut yang berjumlah RM15 000 daripada syarikat di Singapura

- A SGD4 687.50
 B SGD46 875.00
 C SGD48 000.00
 D SGD480 000.00

- 35 Maklumat berikut berkaitan dengan perubahan kadar pertukaran asing antara Dollar Amerika Syarikat dengan Ringgit Malaysia.

| Tahun | Kadar Pertukaran |
|--------------|------------------|
| JANUARI 2021 | USD1 = RM4.1014 |
| JANUARI 2022 | USD1 = RM4.2615 |

Apakah kesan perubahan tersebut ke atas eksport dan import Malaysia pada Januari tahun 2022?

| | Eksport | Import |
|---|-----------|-----------|
| A | Meningkat | Meningkat |
| B | Menurun | Meningkat |
| C | Menurun | Menurun |
| D | Meningkat | Menurun |

Soalan 36 hingga soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

| Pilihan | Pernyataan I | Pernyataan II |
|---------|--------------|---------------|
| A | Betul | Salah |
| B | Salah | Betul |
| C | Betul | Betul |
| D | Salah | Salah |

- 36 I Permintaan pasaran diperolehi dengan menjumlah secara mendatar kuantiti diminta oleh setiap individu dalam pasaran
 II Keluk permintaan pasaran lebih curam berbanding keluk permintaan individu

- 37 I Wang sebagai alat penyimpan nilai membolehkan sesuatu proses pembelian barang secara ansurans dilakukan
II Harga sebuah rumah yang bernilai RM1 juta merupakan fungsi wang sebagai alat ukuran nilai.
- 38 I Kos purata ialah kos seunit output dalam sesebuah pengeluaran
II Kos marginal ialah perubahan jumlah kos kesan daripada perubahan seunit Output
- 39 I Pengangguran geseran berlaku akibat perubahan struktur ekonomi sesebuah negara.
II Pengangguran geseran merupakan pengangguran yang bersifat jangka panjang dengan kadar yang melebihi 4%.
- 40 I Pertukaran asing merujuk kepada harga mata wang sesebuah negara yang dinyatakan dalam nilai mata wang asing.
II Bank pusat sesebuah negara akan menggunakan rizab pertukaran asing negara untuk membeli mata wang negara apabila nilainya jatuh.

KERTAS TAMAT